



## PEMBERITAHUAN

### SEKATAN TERHADAP KANDUNGAN KHIDMAT PESANAN RINGKAS (SMS) YANG BERUNSUR PENIPUAN BAGI MEMBANTERAS JENAYAH PENIPUAN DALAM TALIAN

**CYBERJAYA, 14 Februari 2023** --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dalam usaha membanteras isu penipuan dalam talian melalui rangkaian perkhidmatan telekomunikasi telah secara berterusan mengarahkan semua Penyedia Perkhidmatan Telekomunikasi untuk menyekat dengan serta-merta mana-mana Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) yang mengandungi kandungan terlarang.

Terkini, berdasarkan pemantauan dan penilaian terhadap trend semasa, antara *modus operandi* yang sering digunakan oleh penjenayah adalah dengan menghantar SMS yang mengandungi perkara-perkara terlarang seperti berikut:

1. Penggunaan pautan yang menjurus pengguna untuk klik kepada sesuatu pautan (*contoh: <https://touchngologin.cc/> atau <https://cimbk.info/>);*
2. Memohon maklumat peribadi pengguna (seperti nama, nombor kad pengenalan, nombor akaun perbankan dan lain-lain); dan
3. Mengandungi nombor talian mudah alih atau talian tetap untuk dihubungi.

Oleh yang demikian, pihak Penyedia Perkhidmatan Telekomunikasi telah diarahkan untuk menyekat mana-mana SMS yang mengandungi kandungan terlarang tersebut di atas daripada dapat dihantar mahupun diterima oleh mana-mana individu.

Pihak MCMC dengan kerjasama kesemua Penyedia Perkhidmatan Telekomunikasi akan terus mengambil langkah proaktif untuk menyekat SMS yang berunsur penipuan berdasarkan trend semasa.

Dalam pada itu, orang ramai dinasihatkan untuk sentiasa berwaspada dan meneliti sebarang kandungan SMS yang disyaki palsu atau meragukan dengan membuat semakan semula melalui organisasi yang terlibat. Bagi mereka yang menjadi mangsa penipuan siber, MCMC ingin menggesa agar mereka menghubungi talian Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) di talian 997 yang beroperasi setiap hari termasuk cuti umum, dari jam 8.00 pagi sehingga jam 8.00 malam untuk melaporkan kes jenayah penipuan siber.

Individu yang didapati menyebarkan maklumat palsu boleh dikenakan tindakan perundangan di bawah Seksyen 505 Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998.

[www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)